Majlis Pelancaran Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia
Kuala Lumpur, 9 Januari 2014

Ucapan oleh

Dato' Muhammad bin Ibrahim
Timbalan Gabenor, Bank Negara Malaysia

Hari ini merupakan hari yang bersejarah kerana ia merupakan titik permulaan era baharu bagi industri perkhidmatan wang. Kita sedang memasuki era perubahan atau transformasi yang akan memacu industri ini ke tahap industri yang telus dalam operasinya dan lebih profesional. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah-langkah pembaharuan. Umpamanya, rangka kerja perundangan baharu perniagaan perkhidmatan wang yang telah diperkenalkan serta dilaksanakan pada Disember 2011. Implementasi akta ini melicinkan proses transformasi industri.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan kejayaan, ia memerlukan komitmen dan tahap keupayaan yang tinggi daripada para peserta industri.

Kita ingin membina sebuah industri perniagaan perkhidmatan wang yang moden, berdaya tahan, lebih progresif serta responsif terhadap tuntutan perubahan semasa dan masa depan, yang akan melonjakkan imej industri perkhidmatan wang dan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara.

Sejak dua tahun yang lalu, industri perniagaan perkhidmatan wang telah melalui perubahan yang pesat berikutan pengenalan rangka kerja perundangan industri yang baharu dan lebih kukuh. Perkembangan positif yang dicapai dalam tempoh ini amat menggalakkan. Rata-rata peserta industri yang hadir di sini menyokong perubahan ini dan sedang membangunkan perniagaan yang berpotensi untuk berjaya, dengan adanya standard perkhidmatan profesional dan integriti yang lebih tinggi. Melalui interaksi dan perbincangan dengan peserta industri, Bank Negara Malaysia (pihak Bank) berharap industri ini kini lebih jelas akan perlunya untuk mereka berubah ke arah menjadi industri yang lebih baik. Industri ini perlu beroperasi pada tahap ketelusan yang lebih tinggi dan mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Hal ini penting bukan sahaja untuk membina keyakinan terhadap perkhidmatan yang disediakan industri ini bahkan untuk memelihara integriti sistem kewangan yang lebih luas. Kemurnian sistem kewangan amat penting kerana sistem ini merupakan tonggak ekonomi kita.

Visi dan kehendak pengawalseliaan bagi industri

Enakmen Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 memperuntukkan kuasa untuk mewujudkan keadaan yang menyokong bagi mencapai perlindungan pengguna yang lebih baik, meningkatkan peluang perniagaan dan memperkukuh perlindungan terhadap risiko pengubahan wang haram dan kegiatan haram yang lain. Sumber-sumber utama telah digembleng oleh pihak Bank dalam tempoh dua tahun yang lalu untuk mencapai matlamat tersebut. Salah satu daripadanya ialah proses pelesenan semula. Pihak Bank telah menilai semula 839 buah syarikat pengurup wang dan penyedia perkhidmatan kiriman wang serta mengeluarkan lesen baharu kepada syarikat yang memenuhi keperluan yang ditetapkan. Pihak Bank juga telah memberikan masa kepada syarikat untuk menambah baik operasi mereka. Syarikat-syarikat tersebut telah membuktikan bahawa mereka dapat mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Bagi mereka yang layak dalam proses pelesenan, penambahbaikan operasi mereka boleh dicapai dalam tempoh masa yang munasabah. Pihak Bank juga telah menyatakan dengan jelas kepada industri bahawa syarikat yang didapati terlibat dalam kegiatan yang tidak dibenarkan akan diambil tindakan tegas melalui langkah-langkah penguatkuasaan. Daripada sebanyak 839 lesen yang dikeluarkan sebelum ini, proses pelesenan semula telah mengurangkan sebanyak 365 lesen akibat pembatalan, penggabungan, penyerahan secara sukarela lesen atau peserta industri sendiri yang mengambil keputusan untuk menjadi ejen kepada entiti yang lebih besar.

Pihak Bank telah meningkatkan dengan nyata interaksinya dengan pihak industri untuk membantu syarikat-syarikat tersebut memahami keperluan pengawalseliaan yang wajib dipatuhi. Perbincangan dan interaksi ini juga telah membantu pihak Bank untuk lebih memahami isu-isu praktikal yang dihadapi oleh industri ini dan pihak Bank telah memberikan tindak balas yang sewajarnya kepada sebahagian daripada isu tersebut. Saya yakin bahawa pihak Bank akan terus bekerjasama dengan pihak industri untuk mencari penyelesaian terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh industri, namun pihak industri juga perlu bertindak secara bertanggungjawab dan mengambil kira juga kepentingan awam.

Penguatkuasaan pematuhan akan terus menjadi fokus utama pihak Bank. Fokus ini akan dipertingkatkan memandangkan institusi bukan bank yang terdapat dalam industri ini berkemungkinan lebih mudah terdedah kepada penyalahgunaan kewangan berikutan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) yang ketat ke atas institusi perbankan. Fokus yang dipertingkatkan ini adalah sebahagian daripada usaha Malaysia untuk menangani risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Satu lagi risiko yang mungkin timbul ialah kegiatan mengeksploitasi produk dan perkhidmatan baharu dengan menggunakan kemajuan teknologi, yang boleh mendedahkan industri perniagaan perkhidmatan wang sebagai sasaran untuk menyalurkan hasil pendapatan daripada kegiatan haram.

Keperluan pengawalseliaan khusus telah diperkenalkan, terutamanya yang berkaitan dengan penyimpanan rekod dan dokumen sumber yang betul serta keperluan yang penting untuk membuat pengenalpastian pelanggan dan mengesahkan sumber dan tujuan dana. Langkah-langkah ini seharusnya dapat mengurangkan risiko-risiko tersebut. Selain itu, pihak Bank akan terus membuat pemeriksaan di premis perniagaan anda untuk memeriksa pematuhan, dan sekiranya perlu, pihak Bank akan menggunakan instrumen penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah undang-undang untuk menguatkuasakan pematuhan. Langkah-langkah punitif ini termasuk pembatalan lesen, denda kewangan ke atas pihak yang ingkar serta membuat pendakwaan terhadap kesalahan yang lebih serius.

Pihak Bank juga akan terus bertindak dengan pantas untuk menghapuskan pengendali haram dan mereka yang bersubahat dalam kegiatan perniagaan perkhidmatan wang yang tidak dibenarkan. Setakat ini, tindakan telah dan sedang diambil ke atas lebih 180 entiti. Ini termasuk pembatalan lesen, penyingkiran pegawai utama yang bertanggungjawab atas kegagalan yang serius untuk mematuhi keperluan pengawalseliaan, dan kompaun bagi ketidakpatuhan terhadap pelbagai keperluan pengawalseliaan dan operasi. Beberapa entiti telah didakwa di mahkamah dan ada antaranya telah disabitkan dengan kesalahan.

Walaupun pihak Bank meneruskan usaha untuk meningkatkan tahap pematuhan dalam industri, tanggungjawab utama untuk memastikan pematuhan terletak pada industri ini sendiri. Ini bermula dengan setiap syarikat mempunyai proses yang jelas, kakitangan terlatih dan bermaklumat, serta sistem dan rekod yang efektif untuk membantu dalam pematuhan terhadap keperluan pengawalseliaan.

Industri ini telah mencapai beberapa kemajuan dan usaha yang sedang diambil pada peringkat syarikat dan industri amat menggalakkan. Sebahagian daripada anda telah mencapai kemajuan yang lebih daripada yang lain. Bagi mereka yang masih belum berbuat apa-apa lagi, masa semakin singkat dan adalah sangat penting agar perancangan dapat dibuat dengan segera dan dilaksanakan secara agresif untuk mewujudkan sistem yang diperlukan untuk meningkatkan pematuhan terhadap undang-undang. Secara keseluruhan, walaupun industri melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik, banyak lagi yang boleh dilakukan dan pembaharuan yang dibuat adalah untuk kepentingan industri itu sendiri, apabila kita memasuki fasa seterusnya dalam penilaian pematuhan setiap syarikat.

Kehendak Pihak Bank Terhadap Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia (MAMSB)

Kehendak dan jangkaan pihak Bank adalah tinggi terhadap persatuan ini. Penubuhan persatuan ini adalah tepat pada masanya dalam memainkan peranan penting untuk manfaat industri ini. Persatuan ini perlu menerajui dan mendorong usaha bina upaya yang akan menyokong matlamat membina industri perniagaan perkhidmatan wang yang moden dan mempunyai tahap pematuhan dan tahap profesionalisme yang tinggi.

Pertama, persatuan ini dikehendaki memainkan peranan penting dalam memupuk pengendalian perniagaan secara profesional dan amalan perniagaan yang baik dalam kalangan peserta industri. Dalam hal ini, pihak Bank ingin melihat kod etika industri ini diwujudkan dan dilaksanakan oleh industri pada tahun ini. Kod etika ini hendaklah merangkumi satu set prinsip utama dan panduan amalan perniagaan yang baik yang memupuk disiplin dan keyakinan pasaran yang lebih tinggi serta mewujudkan budaya persaingan yang sihat dalam industri ini. Ini perlu dilengkapkan dengan proses yang memastikan individu yang bertanggungjawab dalam mengurus operasi perniagaan perkhidmatan wang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang berkaitan bagi memenuhi piawaian profesional minimum yang ditetapkan oleh industri, dan yang mampu menawarkan perkhidmatan berkualiti kepada orang ramai.

Sehubungan dengan ini, persatuan ini perlu mempertimbangkan untuk melaksanakan proses pensijilan atau kelayakan, contohnya, dengan mengadakan peperiksaan kemasukan untuk ahli-ahlinya pada masa hadapan.

Pihak Bank juga menghendaki persatuan ini memainkan peranan yang proaktif untuk meningkatkan imej peserta industri dan menyisihkan mereka yang sering menimbulkan masalah dalam industri, melalui pelaksanaan dan penguatkuasaan kod etika yang berkesan serta berganding bahu dengan pihak berkuasa yang berkaitan untuk membantu membanteras pemindahan dana secara haram dan kegiatan yang tidak dibenarkan.

Kedua, persatuan ini juga akan menjadi platform yang penting untuk memacu dan melaksanakan inisiatif pembangunan untuk meningkatkan keupayaan industri. Pihak Bank menaruh harapan yang tinggi terhadap persatuan ini agar dapat memainkan peranan pendidikan yang utama untuk menggalakkan pemahaman industri yang lebih mendalam mengenai pematuhan pengawalseliaan dan trend industri yang terkini, melalui program pendidikan dan latihan yang holistik, seperti keperluan di bawah undang-undang berkaitan dan amalan terbaik, serta pengurusan risiko dan perlindungan pengguna. Program latihan dan pembangunan yang dilaksanakan dengan baik akan menghasilkan piawaian tingkah laku profesional yang lebih tinggi dan akan memperkukuh perlindungan terhadap penyalahgunaan dan pelanggaran undang-undang yang mungkin timbul.

Ketiga, sebagai suara kolektif industri, persatuan ini akan menyediakan saluran untuk perbincangan yang membina antara pihak Bank dengan pihak industri. Melalui perbincangan dan interaksi yang kerap, persatuan ini boleh memainkan peranan sebagai fasilitator yang berkesan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan

perkembangan dalam industri, melalui maklum balas dan input yang berguna kepada pihak Bank atau pihak berkuasa berkenaan yang lain. Kami telah mendapati sejak beberapa tahun yang lalu persatuan industri boleh memberikan sumbangan yang besar dalam menyatukan pandangan industri yang berbeza-beza mengenai isu-isu penting dan boleh membantu dalam pembentukan dasar awam.

Terdapat banyak penanda aras yang boleh dijadikan panduan oleh persatuan, baik di Malaysia mahu pun global, untuk menjadikannya sebuah persatuan yang berkesan. Namun, yang lebih penting ialah peserta industri perlu bersatu dalam menyokong Persatuan.

Akhir sekali, persatuan ini dikehendaki memainkan peranan yang aktif dalam mendidik pengguna mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh industri serta menangani isu-isu kepenggunaan dan aduan pengguna. Dalam hal ini, persatuan ini perlu memanfaatkan rangkaiannya yang sedia ada di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap tanggungjawab mereka untuk berurusan hanya dengan penyedia perkhidmatan perniagaan wang yang sah. Sebahagian daripada usaha ini ialah menjelaskan kepada orang ramai mengenai keperluan pengawalseliaan yang berkaitan, seperti perlunya mengemukakan dokumen pengenalan bagi urus niaga yang bernilai besar.

Sepanjang empat bulan yang lalu, saya bangga dengan pelbagai inisiatif yang diambil oleh Persatuan ini serta perbincangan dan perundingan yang bermakna dengan pihak Bank. Saya juga difahamkan bahawa Persatuan ini telah memulakan siri latihan di seluruh negara untuk membantu ahli-ahlinya melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang berkesan, membangunkan dasar dan prosedur dalaman serta melaksanakan program pematuhan AML/CFT. Ini juga telah membantu menyelesaikan beberapa isu yang dihadapi oleh industri, termasuk membantu ahli-ahli mendapatkan perlindungan insurans perniagaan pada kadar yang berpatutan, dan berurusan dengan pembekal sistem untuk memastikan penyediaan sistem maklumat pengurusan yang sesuai dan diyakini.

Kesemua ini merupakan kemajuan yang membanggakan dan menunjukkan sumbangan yang besar oleh persatuan kepada ahli-ahlinya.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Majlis dan industri bersempena dengan pelancaran rasmi Persatuan ini. Bank Negara Malaysia menyokong sepenuhnya usaha-usaha penting Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia ini. Kami yakin bahawa Persatuan ini boleh menghasilkan impak yang besar untuk membawa industri perniagaan perkhidmatan wang ke tahap pembangunan yang lebih tinggi.

Pelancaran Indeks Kepimpinan Asia Iclif
Sasana Kijang Kuala Lumpur, 1 April 2014

Ucapan Alu-aluan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Saya berbesar hati mengalu-alukan kehadiran anda pada majlis pelancaran Indeks Kepimpinan Asia Iclif pada pagi ini. Indeks Kepimpinan Asia merupakan sebahagian daripada rantaian penting penyelidikan global mengenai ciri-ciri yang dijangkakan daripada pemimpin dalam dunia hari ini. Dunia kini semakin pesat berubah dan semakin mencabar. Pemimpin yang berkesan hendaklah bertindak dengan menyedari sepenuhnya bahawa pengikut mereka yang terbaik meletakkan harapan yang lebih tinggi terhadap mereka. Hal ini demikian kerana harapan mereka terhadap pemimpin telah banyak berubah terutamanya dalam era maklumat disebarkan dengan pesat dan kemudahan perjalanan telah mengetepikan semua sempadan yang kita ketahui.

Indeks Kepimpinan Asia ialah satu penyelidikan yang substantif dan menyeluruh mengenai Asia. Tumpuan terhadap Asia adalah kerana rantau ini menjadi semakin bertambah penting dalam landskap global. Namun demikian, kajian yang sistematik mengenai pemimpin yang menjalankan perniagaan di Asia, jika ada sekali pun, adalah amat sedikit. Sehubungan dengan itu, Indeks Kepimpinan Asia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman terhadap "apakah yang perlu dilakukan oleh pemimpin perniagaan di Asia untuk mendapat kekuatan dan komitmen yang lebih tinggi daripada pengikut mereka yang paling utama?" Sebagai sebahagian daripada kajian ini, pemimpin kanan yang terpilih serta pemimpin yang berpotensi tinggi dalam syarikat yang beroperasi di Asia diminta untuk menghuraikan apa yang perlu dilakukan oleh pemimpin terhadap mereka sebagai ahli profesional untuk membolehkan mereka melibatkan diri sepenuhnya dengan pemimpin tersebut, serta untuk memberikan komitmen yang sepenuhnya dalam organisasi mereka pada jangka yang lebih panjang. Mereka juga menyatakan apa yang dianggap sebagai kekurangan yang terdapat dalam pemimpin mereka.

Memandangkan kepimpinan adalah tentang keupayaan untuk mencapai matlamat yang dikehendaki walaupun dalam persekitaran yang paling mencabar, maka kepimpinan juga adalah tentang keupayaan menghasilkan dorongan dan kekuatan di dalam organisasi. Lantaran itu, kepimpinan mewujudkan persekitaran yang membolehkan tenaga mahir yang terbaik memberikan tumpuan dan menyumbang melalui kekuatan dan dorongan yang dihasratkan. Dalam persekitaran antarabangsa yang kekurangan tenaga mahir yang berkualiti tinggi, jangkaan terhadap kepimpinan menjadi aspek yang penting. Pada dasarnya, pemimpin perlu disokong oleh pasukan yang mantap dan komited. Walau bagaimanapun, ciri-ciri yang dijangkakan oleh tenaga mahir bukan sahaja berubah dengan cepat, malah mungkin berbeza apabila diletakkan dalam konteks negara yang berbeza. Kajian yang dijalankan oleh ICLIF ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang jangkaan terhadap pemimpin di Asia serta bidang yang perlu diambil kira jika impak dan pengaruh yang mampan ingin dicapai.

Oleh itu, apakah hasil daripada kajian ini? Saya akan menyerahkan penyampaian bahagian ini kepada Kate Sweetman, iaitu pengarang utama dalam kajian ini. Secara

amnya, Indeks Kepimpinan Asia memberikan penjelasan tentang sifat yang harus dibentuk oleh pemimpin di Asia jika mereka ingin melibatkan individu yang akan dipimpin oleh mereka. Indeks Kepimpinan Asia tidak mencadangkan model kepimpinan yang baharu. Sebaliknya, ia mengenal pasti beberapa bidang yang diperlukan untuk perubahan tingkah laku berdasarkan sifat yang tidak terdapat dalam pemimpin mereka pada masa ini seperti yang dinyatakan oleh responden, serta pengukuhan dalam bentuk cadangan bagaimana pemimpin boleh melangkah ke hadapan dengan pengaruh dan impak yang lebih.

Harapan di sebalik kajian ini adalah untuk merangsang pemikiran mengenai isu kepimpinan serta menyumbang kepada pembentukan generasi pemimpin baharu yang berkesan di Asia.